

► Nasihat kepada rakyat Amerika yang melawat beberapa kawasan terpencil di Sabah

# 'Hanya langkah berjaga-jaga'

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL  
utusanborneokk@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Rakyat Amerika hanya dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga ketika melawat di beberapa kawasan terpencil Sabah yang telah mengalami beberapa isu keselamatan.

Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, Joseph Y Yun, berkata demikian pada sidang media mengenai beberapa bahagian Sabah yang mengalami isu keselamatan, selepas majlis penyerahan sumbangan buku siri Amerika

kepada Perpustakaan Koleksi Perdana Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, kelmarin.

"Di bahagian-bahagian terpencil Sabah ini, kita telah memberitahu rakyat Amerika supaya lebih berhati-hati apabila melakukan perjalanan ke kawasan terbabit.

"Tetapi pastinya itu hanya di beberapa kawasan yang terpencil sahaja dan saya pasti anda semua tahu mengenainya," katanya.

Bagaimanapun, katanya, di tempat-tempat yang tiada sebarang insiden berlaku adalah selamat untuk

dilawati.

"Jadi semua ini jelas, tidak ada masalah. Tetapi kawasan yang terdapat insiden ini, kami telah memberi amaran rakyat Amerika untuk menjadi lebih berhati-hati," katanya.

Secara keseluruhan, Joseph menyifatkan Sabah sebagai tempat yang indah serta sebagai tempat pelancongan yang baik dengan adanya banyak kemudahan memuaskan.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur, delegasi UMS dan delegasi Amerika Syarikat.



**JOSEPH** (duduk, tengah) dan **KASSIM** (duduk, kanan) merakamkan kenangan bersama delegasi UMS dan Amerika.